

AGENDA 5.4: KETAKAKURAN DAN TINDAKAN PEMBETULAN

1. TUJUAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang ketakakuran dan tindakan pembetulan bagi tempoh bagi tempoh 15 Ogos 2017 hingga 30 Mac 2018.

2. LAPORAN

Laporan ketakakuran dan tindakan pembetulan direkodkan apabila ketakakuran berlaku jika tidak mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, Pelan Tindakan peringkat Fungsian dan Aras, dan Piagam Pelanggan UPM. Ketakakuran yang ditemui perlu diambil tindakan pembetulan yang berkesan bagi memastikan ketakakuran tidak berulang.

Pelaporan bagi KPI UPM sukuan keempat (Q4) 2017 telah dibenteng semasa Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Sukuan Keempat 2017 dan Penetapan KPI 2018 yang telah diadakan pada 16 Januari 2018. Tindakan keatas KPI yang tidak mencapai sasaran telah dikenal pasti dan diambil tindakan bagi tujuan penetapan KPI UPM tahun 2018.

Selain itu, pelaporan bagi Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras dan juga pencapaian Piagam Pelanggan tahun 2017 telah dibenteng pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-38 pada 6 Februari 2018. Tindakan pembetulan telah dikenal pasti bagi Pelan Tindakan dan Piagam Pelanggan yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

3. SYOR

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dimohon mengambil maklum tindakan keatas mana-mana KPI, Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras dan juga Piagam Pelanggan tahun 2017 yang tidak mencapai sasaran telah dilaporkan dalam Bengkel Penilaian Pencapaian KPI dan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM. Pelaporan juga merujuk kepada Agenda 5.3 Pencapaian Objektif Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti sebagaimana yang telah dibentangkan.